

23 AUG 1996

SEMUA HARUS HORMATI AMARAN PRESIDEN, KATA NAJIB

PEKAN, 23 Ogos (Bernama) -- Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini berkata semua anggota perlu menghormati amaran Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya tidak berkempen menjelang pemilihan Oktober ini.

Beliau berkata amaran Dr Mahathir untuk mendedahkan nama-nama calon yang berkempen pada perhimpunan agung nanti merupakan amaran yang paling tegas setakat ini.

"Itu amaran yang tegas dan kena pada masanya. Kawalan yang lebih rapi harus dikenakan supaya matlamat pertandingan secara adil dan saksama dapat dilaksanakan," katanya semasa ditemui pemberita di sini.

Semalam Dr Mahathir memberi amaran keras kepada calon-calon bagi pemilihan UMNO bahawa nama mereka akan didedahkan pada Perhimpunan Agung sekiranya mereka melanggar arahan Majlis Tertinggi supaya jangan berkempen.

Mengenai laporan bahawa beberapa anggota UMNO yang dipilih menjadi perwakilan ke perhimpunan agung kini sudah berada di Kuala Lumpur, Najib berkata tujuan mereka perlu diperhatikan terlebih dahulu untuk menentukan sama ada ia bagi urusan yang menasabah dan sah.

"Kalau didapati tujuan kedatangan mereka tidak selaras dengan etika parti dan saranan Presiden, kita harap mereka menghormati kehendak parti bagi mengurangkan ketegangan," kata beliau.

Setiausaha Agung UMNO, Datuk Mohamed Rahmat semalam berkata ibu pejabat UMNO ada menerima aduan bahawa sejumlah besar anggota UMNO yang dipilih sebagai perwakilan bahagian UMNO ke perhimpunan agung Oktober depan, kini sudah berada di Kuala Lumpur.

Mohamed meminta mereka yang tidak mempunyai apa-apa kepentingan tertentu di ibu negara supaya pulang segera ke bahagian masing-masing. --

BERNAMA

ROS NMO